

**TEKS UCAPAN
Y. BHG. DATUK
SEMPENA
KURSUS PROFESIONALISME WANITA DI
ABAD KE 21
DI HOTEL GOLDEN LEGACY
26 JUN 2002**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Y. BERUSAHA SDRI. PENERUSI MAJLIS

Y. A. BHG. DATIN SERI HAJJAH ASMAH AB.
RAHMAN

Y. BHG. DATIN IR. MAIMUNAH IBRAHIM
PENAUNG PUSPAWANIKU KUTKM

Y. B. AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI MELAKA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN DEKAN-DEKAN
KUTKM

WAKIL-WAKIL MEDIA

DAN SETERUSNYA PARA PESERTA YANG SAYA
HORMATI SEKELIAN

ASSALAMUALAIKUM WABKTH DAN SALAM
SEJAHTERA

1. PERTAMA-TAMANYA SUKA SAYA
MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KE
HADRAT ALLAH S.W.T DI ATAS
KURNIANYA DAPAT KITA SAMA-SAMA
BERADA DI DALAM SATU MAJLIS YANG
CUKUP BERERTI INI. UCAPAN TERIMA
KASIH SAYA JUGA BUAT JAWATANKUASA
PENGANJUR YANG SUDI MENJEMPUT
SAYA UNTUK MEMBERI SEPATAH DUA
KATA. JUGA BUAT Y. A. BHG. DATIN SERI
YANG TURUT SUDI HADIR BAGI

MERASMIKAN KURSUS INI, TERIMA KASIH
YANG TERHINGGA PIHAK KUTKM
UCAPKAN.

2. KURSUS PROFESIONALISME WANITA DI
ABAD KE 21 ANJURAN PUSPAWANIKU
KUTKM INI ADALAH MERUPAKAN SATU
PROGRAM YANG TERPUJI DALAM USAHA
MEMARTABATKAN KEDUDUKAN WANITA
DI ADALAM MASYARAKAT. INI SEIRING
DENGAN HASRAT KERAJAAN DALAM
USAHANYA UNTUK MEMBERIKAN HAK DAN
PEMBELAAN YANG SEWAJARNYA KEPADA
KAUM WANITA DI MALAYSIA. INI DAPAT
KITA LIHAT DARIPADA DASAR-DASAR
YANG TELAH DAN SEDANG

DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN KETIKA
INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

3. SUKA SAYA MENYEBUT DI SINI BAHAWA
KAUM WANITA DI MALAYSIA ADALAH
MERUPAKAN GOLONGAN YANG CUKUP
BERUNTUNG SEKALI BERBANDING
DENGAN RAKAN-RAKAN MEREKA DI
NEGARA-NEGARA ISLAM YANG LAIN. DI
MALAYSIA, WANITA DIBERIKAN HAK YANG
SAMA RATA BAIK DARI SEGI SOSIAL,
EKONOMI, POLITIK, PENDIDIKAN,
PEKERJAAN, PENGURUSAN DAN
PENTADBIRAN SERTA PERLINDUNGAN
DAN PEMBELAAN. INI DAPAT KITA LIHAT

MELALUI PELBAGAI AKTA-AKTA DAN
UNDANG-UNDANG YANG DIGUBAL BAGI
MEMASTIKAN HAK-HAK WANITA TERUS
TERJAMIN.

4. MALAHAN DARI SEGI PENTADBIRAN
NEGARA JUGA, KITA SUDAH
MEMPUNYAI TIGA MENTERI PENUH
WANITA YANG DIBERIKAN
TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH BAGI
MENTADBIR KEMENTERIAN-
KEMENTERIAN YANG MANA INI
ADALAH MERUPAKAN SATU
TANGGUNGJAWAB YANG CUKUP
BESAR.

5. BEGITU JUGA DENGAN BIDANG PENDIDIKAN YANG DAHULUNYA DIKUASAI OLEH ORANG LELAKI NAMUN SENARIO ITU TELAH BERUBAH SEKARANG INI. KINI ORANG WANITA TELAH MENGUASAI LEBIH DARIPADA 60 PERATUS DARIPADA TEMPAT DI IPTA. MELIHAT KEPADA PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN INI, SAYA PERCAYA GOLONGAN AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA SECARA LEBIH BESAR DAN BERMAKNA.
6. TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH YANG LEBIH BESAR AKAN SECARA BERANSUR-ANSUR BERKEMUNGKINAN AKAN DIPIKUL OLEH KAUM WANITA DAN DITAMBAH

LAGI DENGAN ALAF BARU YANG MEMBAWA BERSAMANYA LEDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI BERSERTA ERA GLOBALISASI, MAKA PERLU BAGI SETIAP WANITA DI MALAYSIA MEMPERLENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU DAN KEMAHIRAN YANG SECUKUPNYA.

HADIRIN-HADIRAT DAN PARA PESERTA SEKELIAN

7. "PROFESIONALISME" ADALAH MENJADI PRA-SYARAT YANG PALING UTAMA DALAM MENANGANI CABARAN-CABARAN YANG AKAN DITEMPUHI DI ABAD KE 21 INI. RUANG LINGKUP PROFESIONALISME YANG MERANGKUMI KEMAHIRAN DAN

KEILMUAN DISULAMI DENGAN PERWATAKAN DAN KEWIBAWAAN YANG TERPUJI AKAN MENJADI KAYU PENGUKUR SEJAUH MANAKAH GOLONGAN WANITA DI MALAYSIA DAPAT MENGANGKAT KEDUDUKAN MEREKA UNTUK BERSAING BUKAN SEKADAR HANYA DI PENTAS KEBANGSAAN BAHKAN DI PENTAS ANTARABANGSA.

8. ATAS DASAR ITU, KUTKM SENTIASA BERUSAHA MENYUMBANG KE ARAH PEMBENTUKAN WANITA MALAYSIA YANG IDEAL DAN DINAMIS. JUSTERU ITU, KURSUS SEUMPAMA INI ADALAH MERUPAKAN WADAH YANG PALING BAIK BAGI PARA WARGA WANITA KUTKM DAN

JUGA PESERTA-PESERTA YANG LAIN BAGI MEMPELAJARI ILMU DAN PENGETAHUAN YANG RELEVEN DAN TERKINI MENGENAI PROFESIONALISME WANITA.

9. DENGAN BARISAN PENCERAMAH YANG BERWIBAWA DAN BERKEMAMPUAN, SAYA PERCAYA PARA PESERTA SEKELIAN AKAN DIDEDAHKAN KEPADA ILMU-ILMU BARU YANG CUKUP BERGUNA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ANAK, ISTERI, IBU DAN SETERUSNYA KETUA YANG BAIK DAN BERTANGGUNGJAWAB. INI KERANA APABILA KITA MENYEDARI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP ORANG-ORANG YANG BERADA

DI SEKELILING KITA, MAKA KITA AKAN FAHAM BAHAWA INI SEMUA MENUNTUT KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN YANG JITU DARIPADA KITA. SECARA TIDAK LANGSUNG IANYA MENUNTUT KITA MENJADI LEBIH PROFESIONAL DAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS APA YANG DIAMANAHKAN DAN DIHARAPKAN KE ATAS KITA.

10. AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT BERKURSUS KEPADA SEMUA PESERTA DAN DIHARAPKAN SDR/SDRI AKAN SETERUSNYA DAPAT MENYUMBANG KEPADA ORGANISASI MASING-MASING DENGAN LEBIH BAIK LAGI.

SEKIAN, WASSALAMUALAIKUM WBKTH.